

# Sistem tadbir urus Japerun diperkemas

Oleh **LIANA SAHABUDIN**

AYER KEROH 18 Feb. - Kerajaan negeri akan memperkemas struktur pentadbiran setiap Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (Japerun) di negeri ini dengan menambah baik kefahaman dan pelaksanaan pengurusan setiap Japerun.

Ketua Menteri, Datuk Seri Ir. Idris Haron berkata, melalui langkah itu setiap Setiausaha Japerun diwajibkan mengikuti program anjuran Jabatan Kewangan Negeri bagi menyesuaikan mereka dengan tadbir urus kerajaan negeri.

Menurutnya, ini bagi melatih mereka supaya mengikuti peraturan perbendaharaan yang dapat dipatuhi dengan lebih cekap selain berdedikasi.

"Setiausaha dan Pegawai Japerun perlu ikut segala program dijalankan jabatan kewangan supaya mereka tahu mengenai urusan kewangan apabila ditanya masyarakat.

"Kesemua program ini akan dianjurkan oleh Jabatan Kewangan, diharapkan mereka dapat mengikut arahan kita ini bagi mendidik serta melatih ke arah pengurusan yang lebih berkesan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di Seri Negeri di sini, hari ini.

Pada masa sama, Idris turut memberitahu persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) akan dijalankan pada 2 hingga 5 Mac ini bagi persidangan pertama tahun 2015.

"Kita akan bahaskan ucapan terika kasih kepada Yang di-Pertua Negeri, Tun Mohd. Khalil Yaakob mengenai harapan beliau untuk Negeri Melaka pada tahun 2015 dan akan datang.

"Ucapan dari beliau penting memandangkan kita berada dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11).

Ini juga berdasarkan kejayaan pelaburan terbesar negeri ini pada tahun lalu sebanyak RM5 bilion dan juga pada tahun ini dengan jumlah sasaran pelaburan yang sama," katanya.

Katanya, kesemua DUN telah menghantar soalan masing-masing, sementara Exco-Exco diminta mengkaji jawapan-jawapan mereka di bawah portfolio yang ditetapkan.

"Kita mahu setiap soalan dan jawapan yang diberi mempunyai fakta yang berangka dan tidak hanya melepaskan 'batuk di tangga'," katanya.



**IDRIS**